



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN LUAR NEGERI, MALAYSIA

UNTUK SIARAN SERTA-MERTA

BELANJAWAN 2023: KEMENTERIAN LUAR NEGERI MENDUKUNG BELANJAWAN MADANI KE ARAH PERTUMBUHAN EKONOMI YANG MAMPAN DAN KESAKSAMAAN SOSIAL

Kementerian Luar Negeri (KLN) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan di atas Belanjawan 2023 dengan tema “Pembangunan Malaysia Madani”. Belanjawan 2023 ini adalah manifestasi dan komitmen Kerajaan untuk membangun dan memacu pemulihan ekonomi negara di samping merapatkan jurang sosial masyarakat.

KLN juga menyambut baik Belanjawan 2023 yang secara langsung akan menyokong usaha Malaysia dalam mempromosi, mempertahankan dan melindungi kepentingan negara di persada dunia. Usaha ini adalah bersandarkan kepada Kerangka Dasar Luar Malaysia Pasca Pandemik serta Pelan Strategik Kementerian 2021 – 2025. KLN akan terus bekerjasama dan menggembeng usaha secara strategik dengan Kementerian dan agensi-agensi berkaitan ke arah mencapai matlamat ini.

Secara keseluruhannya, KLN telah diperuntukkan sebanyak RM971,134,100.00 bagi tahun 2023 berbanding RM868,506,400.00 pada tahun 2022. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM809,613,800 diperuntukkan bagi Belanja Mengurus manakala sejumlah RM161,520,300 diperuntukkan bagi Belanja Pembangunan Tahun 2023. Kedua-dua peruntukan ini mencatatkan kenaikan masing-masing sebanyak 6.49% dan 49.28% berbanding peruntukan yang diluluskan pada tahun 2022.

Pertambahan dalam peruntukan Belanja Mengurus dan Belanja Pembangunan Kementerian bagi tahun 2023 akan terus dimanfaatkan ke



WISMA PUTRA

No. 1, Jalan Wisma Putra, Presint 2, 62602 Putrajaya, Malaysia
Tel: +603 80008000 | Fax: +603 8889 2726 | Emel: bkda@kln.gov.my | Portal: www.kln.gov.my

arah usaha-usaha memperkuat dan mempertahankan kepentingan strategik negara dalam isu-isu global, antaranya keamanan sejagat, keterjaminan makanan, pembangunan mampan dan perubahan iklim, di samping mempromosi konsep Malaysia Madani di persada antarabangsa. KLN akan turut memberi penekanan kepada usaha merancakkan pertumbuhan ekonomi negara termasuk memudah cara pelaburan asing ke Malaysia dan pelaburan Malaysia ke luar negara.

Belanjawan 2023 ini akan memastikan KLN dapat terus memberikan perkhidmatan berpaksikan rakyat secara telus, pantas dan berkesan. Ini termasuk usaha mentransformasikan perkhidmatan konsular yang merupakan titik sentuh secara langsung dengan rakyat bagi mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian Kementerian. KLN turut memperkasakan penyampaian perkhidmatan konsular secara digital sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, selain meningkatkan bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang menghadapi masalah di luar negara, termasuk memberi bantuan kepada rakyat Malaysia yang terlibat dengan sindiket penipuan tawaran pekerjaan.

Belanjawan 2023 juga akan dimanfaatkan bagi menaik taraf infrastruktur KLN di dalam dan luar negara, menambah baik kebajikan pegawai serta pemerkasaan program pembangunan modal insan.

KLN sentiasa komited dalam menyampaikan perkhidmatan luar negeri yang unggul dan menyumbang ke arah merealisasikan aspirasi negara. Belanjawan 2023 yang telah dibentangkan di Parlimen ini dilihat dapat mengukuhkan lagi penyampaian perkhidmatan Kementerian yang lebih responsif, peduli rakyat dan berintegriti.

PUTRAJAYA

25 Februari 2023

